

Pelaburan: Malaysia No. 7 di dunia—Dr M



Dr. Mahathir pulang bawa kejayaan

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) sedang menyampaikan sesuatu kepada Menteri Pengangkutan yang baru, Datuk Lee San Choon dan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Abdul Manan Othman setibanya dari memimpin misi dagang Malaysia ke Switzerland, Belanda dan Sweden, di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang petang semalam.

Turut menyambut kepulangan beliau termasuk Menteri-menteri Kabinet yang lain, Timbalan-timbalan Menteri serta para pegawai kanan Kerajaan.

Barisan depan dari kiri ialah Menteri Pertanian Datuk Shahrif Ahmad, Menteri Perusahaan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr. Neo Yee Pan, Datuk Lee, Datuk Manan, Datuk Seri Dr. Mahathir, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat Datuk K. Faizmanaban, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah Tan Sri Abdul Kadir Yusoff, Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri S.O.K. Usaidulla dan Menteri Pertahanan Datuk Amar Abdul Talib Mahmud.

— Gambar Berita Harian oleh Saleh Osman.

'Kita tinggi sedikit dari Switzerland'

Oleh RUHANIE AHMAD

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia merupakan pusat pelaburan yang ketujuh besarnya di dunia, demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, petang ini.

Katanya, kedudukan Malaysia itu setanding dengan Belanda dan lebih tinggi sedikit dari Switzerland.

Kedudukan Malaysia, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, telah ditentukan oleh sebuah majalah perdagangan Switzerland yang membuat kajian terperinci mengenai pusat pelaburan seluruh dunia.

Minat pelabur2 asing

Timbalan Perdana Menteri menegaskan demikian di sidang akhbar sekebabnya dan mengenai misi dagang Malaysia ke Switzerland, Belanda dan Sweden, di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Ini menggambarkan betapa pesatnya pelaburan asing di negara ini sejak tahun 1978 bila seminar perdagangan di luar negeri mula diperhebatkan," katanya.

Taraf Malaysia sebagai pusat pelaburan itu juga menunjukkan betapa berminatnya pelabur-pelabur asing ingin menanam modal di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan, setakat ini sejumlah 4000 juta dijanjikan oleh pelabur asing untuk dilabur di Malaysia.

Jumlah ini mungkin bertambah kerana ramai lagi penanam modal yang akan melabur di sini.

Katanya, pelabur-pelabur luar juga meminati dan menerima beberapa undangan Kerajaan berkaitan dengan pelaburan.

Dia smping mengadakan beberapa seminar perdagangan, Datuk Seri Dr. Mahathir sempat membincangkan dengan pelabur dan pemimpin negara yang dilawati mengenai perliminan dagangan serta suasana politik di Asia Tenggara.

Bagaimanapun, tegas beliau, tiada sebarang ketetapan khusus diambil mengenai perkara-perkara tersebut.

Menjawab satu soalan, beliau menegaskan memang masalah perakuan Islam pernah ditimbulkan oleh pelabur asing di seminar-seminar yang

Bahan asal dari Arkitab
Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Senyap

Katanya, beliau menerangkan kepada para usahawan asing mustahaknya mereka memahami dan mengkaji masalah itu sedalam-dalamnya supaya memahami aspirasi masyarakat Islam keseluruhannya.

Ditanya sama ada misi dagang seperti yang dipimpinya selama ini akan diteruskan di masa depan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ia memang perlu.

"Tapi ini tidak bermakna saya akan mengetual misi dagangan Malaysia buat selamanya. Usaha-usaha mengiklan negara kita mesti berterusan kerana kita tidak tahu apakah yang dijalankan oleh negara-negara lain mengenai usaha seperti ini," katanya.

Menurut beliau, terdapat negara-negara jiran yang mengadakan misi dan seminar dagang di luar negeri secara senyap-senyap.

Mengenai Belanjawan Negara, Timbalan Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia sungguh bertuah mempunyai struktur belanjawan yang "murah hati" untuk tahun depan.

Katanya, tiada negara di dunia ini mampu mempunyai struktur belanjawan sedemikian di saat-saat kemerosotan ekonomi antarabangsa sekarang.

Beliau yang di minta mengulas Belanjawan Negara menambah bahawa Malaysia sungguh bertuah kerana harga beberapa barangan utama keluarannya seperti minyak mendapat harga yang tinggi di pasaran dunia.

"Kita mempunyai banyak wang tapi kedudukan ini tidak secara automatik membolehkan kita mengadakan belanjawan seperti yang dibentangkan di Parlimen minggu lalu.